Sukan mampu pupuk perpaduan kaum: PM

BH - 2 FEB 2002

PUTRAJAYA, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata acara sukan boleh menjadi satu lagi cara memupuk perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Perdana Menteri berkata, kecenderungan generasi muda terhadap sukan bertaraf antarabangsa seperti sukan berbasikal Le Tour de Langkawi menjadi bukti bagaimana integrasi kaum dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Melalui sukan, rakyat boleh memupuk perpaduan kerana dalam acara sebegini, semua orang akan mengambil bahagian," katanya pada majlis perasmian Le Tour de Langkawi 2002, di sini, petang ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan hadiah basikal dan beg kepada lebih 10 pelajar dari beberapa sekolah rendah sekitar Sepang yang mengambil bahagian dalam acara melukis anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Dr Mahathir berkata, pemilihan Putrajaya sebagai satu lagi destinasi sukan berbasikal terulung dibuat dengan mengambil kira pembangunan di kawasan itu.

Pada masa sama, Perdana Menteri berharap penganjur Le Tour de Langkawi dapat memperluaskan sukan itu bukan saja di Langkawi malah menonjolkan beberapa destinasi menarik lain di Malaysia.